

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Wednesday, 13 May, 2020 12:51 PM
To: norazlinaabdjilil@gmail.com
Subject: FW: Amanat Khas Naib Canselor bersempena Pelaksanaan 'Remote Learning' di UUM
Attachments: Amanat Khas Naib Canselor Bersempena Perlaksanaan 'Remote Learning' di UUM.pdf

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 26 April 2020 13:38
To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>
Subject: Amanat Khas Naib Canselor bersempena Pelaksanaan 'Remote Learning' di UUM



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

26 APRIL 2020 / 3 RAMADAN 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE:



**Amanat Khas Naib Canselor bersempena
Pelaksanaan 'Remote Learning' di UUM**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera kepada semua staf dan pelajar Universiti Utara Malaysia

Tahun 2020 adalah tahun yang paling mencabar kepada seluruh masyarakat dunia akibat penularan wabak COVID-19. Bagi mengekang penularan pandemik tersebut, maka kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara secara berperingkat (fasa 1 hingga 3) mulai 18 Mac 2020 sehingga 28 April 2020. Pelaksanaan PKP kini telah memasuki fasa keempat, yakni ianya dilanjutkan dua minggu lagi dan akan berakhir pada 12 Mei 2020. Namun, kita harus bersedia untuk menghadapi kemungkinan yang PKP akan diteruskan lagi ke fasa berikutnya disebabkan oleh penularan berterusan COVID-19 dan tertakluk kepada keputusan kerajaan dalam menangannya.

Pelaksanaan PKP oleh pihak kerajaan bagi membendung penularan wabak COVID-19 telah memberi impak yang sangat signifikan kepada semua lapisan masyarakat dan sektor pembangunan negara. Di Universiti Utara Malaysia, kita juga tidak terlepas dari menerima tempas kerana secara khususnya, proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan pentaksiran yang sedang berjalan telah terganggu. Situasi ini telah mendesak pihak Pengurusan Universiti untuk mengambil langkah proaktif dalam menilai semula proses P&P tersebut demi meneruskan agenda pembelajaran pelajar. Justeru, kaedah pembelajaran secara maya, yakni *Remote Learning* telah dikenal pasti sebagai satu keperluan dan medium yang terbaik bagi meneruskan aktiviti pembelajaran di universiti dengan mengambil kira semua input yang telah diterima dari para pelajar dan staf akademik. Dalam menentukan kaedah tersebut, aspek keselamatan dan kesediaan para pelajar telah diberikan keutamaan dan ianya juga selari dengan semua arahan dari Majlis Keselamatan Negara (MKN). *Remote Learning* adalah satu proses pembelajaran tanpa bersemuka secara atas talian (Online Learning) menggunakan internet dan atau kaedah komunikasi lain.

In Sha ALLAH, tanggal 27 April 2020 akan menjadi detik bersejarah kepada universiti kerana buat julung kalinya, semua aktiviti pembelajaran meliputi semua kursus akan dijalankan secara *Online Learning* sepenuhnya sehingga akhir semester dan berkemungkinan besar sehingga akhir tahun 2020 ini. Begitu juga dengan aspek pentaksiran bagi kebanyakan kursus yang akan berubah kepada pentaksiran alternatif secara berterusan (continuous assessment) dan lebih holistik.

Saya yakin yang semua staf akademik telah mengikuti latihan intensif berkaitan pengendalian aktiviti pembelajaran secara *remote learning* melalui *bengkel-bengkel yang telah dianjurkan* oleh Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC) dengan bantuan UUMIT. Persiapan ini adalah penting bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan proses PdP secara *remote learning*. Saya juga ingin mengajak staf akademik untuk berfikir terbuka, berlapang dada dan menggunakan kreativiti masing-masing dalam melaksanakan aktiviti PdP agar ianya lebih berkesan dan kondusif.

Saya juga yakin yang semua staf akademik UUM amat berkebolehan, berkemahiran dan mempunyai kreativiti masing-masing untuk mengaplikasikan kaedah *Massive Open Online Course* (MOOC), *Open Educational Resources* (OER) dan *Flipped Classroom* secara atas talian serta mana-mana bentuk aplikasi terbuka yang sedia ada. Semua bentuk aplikasi yang boleh membantu pensyarah dan pelajar berkomunikasi dalam pembelajaran sama ada bagi menyampaikan mesej, arahan dan tugasan perlu digembleng sebaik mungkin. Aplikasi yang boleh digunakan termasuklah *WhatsApp*, *Telegram* dan *Google classroom*. Sehubungan dengan ini, Unit Kecemerlangan Pembangunan Akademik (AEDU) yang baharu ditubuhkan telah mengambil inisiatif menyediakan garis panduan pentaksiran bagi *Remote Learning*.

Di sebalik musibah penularan wabak COVID-19, ada juga hikmahnya. Virus Corona tidak mengenal sempadan dan penularannya merentasi sempadan dunia. Begitu juga revolusi digital terkini yang menuntut agar bidang pendidikan tidak ketinggalan dalam mengalami transformasi ke arah andragogi dan pedagogi secara digital. Pembelajaran atas talian secara 'remote learning' telah lama dipraktikkan di negara-negara maju kerana mampu memberikan pelbagai manfaat dan kebaikan. UUM tidak ketinggalan untuk membuat perubahan ke arah digital sepenuhnya. Alhamdulillah, perkembangan yang berlaku ini telah mempercepatkan pelaksanaan menyeluruh pelan 'UUM Digital Campus' yang telah kita rancang sebelum ini lebih awal daripada yang dirangka.

Dalam tempoh peralihan ini, saya juga ingin menyeru agar aspek kualiti dan keberkesanan PdP tidak diabaikan. Pihak Pengurusan Universiti amat menitikberatkan aspek kualiti dan integriti dalam pengendalian aktiviti pembelajaran agar semua yang dirancang dapat berjalan secara berkesan, efektif dan kondusif.

Pada kesempatan ini juga saya ingin menyatakan penghargaan kepada Jabatan Hal Ehwal Akademik (HEA) dan UTLC yang telah bekerja keras merancang dan mengendalikan latihan dan bengkel yang relevan kepada semua staf akademik UUM. Begitu juga ucapan syabas kepada UUMIT yang dapat menyediakan platform pembelajaran atas talian yang sangat baik dan mesra pengguna.

Tidak ketinggalan juga kepada semua staf akademik yang menjadi pengerak utama penyebaran ilmu dan pembentukan intelek pelajar, jutaan terima kasih saya ucapkan. Tahiah kerana anda telah berjaya mengadaptasi pengajaran teradun (Blended Learning) kepada *online learning* dan *remote learning* dalam tempoh yang singkat dan seterusnya merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran mengikut kreativiti masing-masing demi memastikan keberkesanan dan kelestarian proses pembelajaran semua pelajar dalam situasi yang mencabangkan ini.

2

Tanggal 27 April 2020 adalah detik bersejarah dalam era baru pengajaran dan pembelajaran (PnP) di UUM dan marilah kita bersama-sama berjihad mengharungi segala cabaran yang mengiringi "*the new normal*", yakni bekerja tanpa bersemuka, bermesyuarat atas talian dan pengendalian kuliah secara *remote learning*. Itulah hakikatnya sekarang dan selepas pandemic COVID-19 berakhir.

Kepada para pelajar, ingin saya nasihatkan agar terus bersabar dan gigih mengharungi pembelajaran secara atas talian dari rumah. Mungkin di kalangan anda yang suka dan teruja belajar secara *remote learning* ini dan ada juga yang sebaliknya. Ini adalah antara pengalaman dan cabaran yang boleh dimanfaatkan, khususnya ketika berdepan dengan wabak Covid-19 ini. Pihak UUM akan terus membantu setiap pelajar dalam apa jua masalah berkaitan PdP sepanjang pengajian bagi sesi A192 dan seterusnya.

Sebagai penutup bicara, marilah kita berdoa kepada yang ALLAH SWT agar memberi taufik dan hidayah kepada kita semua sepanjang tahun 2020 ini. Saya juga berharap agar UUM terus maju ke hadapan dan mencapai kecemerlangan dan kegemilangan dalam semua bidang yang diceburi bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga di peringkat global. In Sha ALLAH

#StayHome
#StaySafe

PROF. DATO' DR. AHMAD BASHAWIR HAJI ABDUL GHANI
Naib Canselor

3



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.